

**PEMBANGUNAN ROHANI DALAM AMALAN TAREKAT:
KAJIAN TERHADAP TAREKAT AHMADIYYAH DI
NEGERI SEMBILAN**



**INSTITUT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMI)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

OLEH :

**MOHD MUHAIZAM BIN MD ISHAK
PISOL BIN MAIDIN
MOHAMMAD MAHYUDDIN BIN KHALID**

NOVEMBER 2012

ISI KANDUNGAN

1.	Surat penyerahan laporan.....	iii
2.	Surat tawaran penyelidikan.....	iv
3.	Penghargaan.....	v
4.	Tajuk dan objektif kajian.....	vi
5.	Laporan penyelidikan.....	1
5.1	Ringkasan cadangan penyelidikan.....	1
5.2	Abstrak.....	2
5.3	Pengenalan.....	3
5.4	Kajian lepas.....	6
5.5	Metodologi penyelidikan.....	10
5.6	Dapatan dan perbincangan.....	13
5.7	Kesimpulan dan cadangan.....	17
5.8	Bibliografi.....	19
6.	Hasil kajian.....	20
7.	Senarai lampiran.....	21

Surat Kami : 600-RMI/SSP/DANA 5/3/Dsp (iC)/2011
Tarikh : 23 Mei 2011



PEMENANG
Anugerah Kedili
Perdana Menteri
2008

En Mohd Muhaizam Md Ishak
Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam

Y. Brs. Profesor./Tuan/Puan

KELULUSAN PERMOHONAN DANA KECEMERLANGAN 05/2011

Tajuk Projek	: Pembangunan Rohani Dalam Amalan Tarekat : Kajian Terhadap Tarekat Ahmadiyyah Di Negeri Sembilan
Kod Projek	: 600-RMI/SSP/DANA 5/3/Dsp (iC)/2011)
Kategori Projek	: Kategori F (2011)
Tempoh	: 01 Jun 2011 – 31 Mei 2012 (12 bulan)
Jumlah Peruntukan	: RM 5,000.00
Ketua Projek	: En Mohd Muhaizam Md Ishak

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan pihak Universiti telah meluluskan cadangan penyelidikan Y. Brs Profesor/tuan/puan untuk membentuk projek penyelidikan di bawah Dana Kecemerlangan UiTM.

3. Bagi pihak Universiti kami mengucapkan tahniah kepada Y. Brs. Profesor/tuan/puan kerana kejayaan ini dan seterusnya diharapkan berjaya menyiapkan projek ini dengan cemerlang.

4. Peruntukan kewangan akan disalurkan melalui tiga (3) peringkat berdasarkan kepada laporan kemajuan serta kewangan yang mencapai perbelanjaan lebih kurang 50% dari peruntukan yang diterima.

Peringkat Pertama	20%
Peringkat Kedua	40%
Peringkat Ketiga	40%

5. Untuk tujuan mengemaskini, pihak Y. Brs. Profesor/tuan/puan adalah diminta untuk melengkapkan semula kertas cadangan penyelidikan sekiranya perlu, mengisi borang setuju terima projek penyelidikan dan menyusun perancangan semula bajet yang baru seperti yang diluluskan. Sila lihat lampiran bagi tatacara tambahan untuk pengurusan projek.

Sekian, harap maklum.

"SELAMAT MENJALANKAN PENYELIDIKAN DENGAN JAYANYA"

Xang benar

MUSTAFAR KAMAL HAMZAH
Ketua Penyelidikan (Sains dan Teknologi)

/RS-

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan) : 603-5544 2094/2095
Bahagian Penyelidikan : 603-5544 2097/2099/2101/5521 1462
Bahagian Perundingan : 603-5544 2100/2787/2092/2093
Bahagian Inovasi : 603-5544 2/50/2/47/2748

Bahagian Penerbitan : 603-5544 1425/2785
Bahagian Sokongan ICT : 603-5544 1097/2104/5521 1461
Bahagian Sains : 603-5544 2098 /5521 1463
Pejabat Am : 603-5544 2559/2057/5521 1636

Penolong Pentadbiran : 603-5544 2090
Fax : 603-5544 2096 /2767
Unit Kewangan Zon 17 : 603-5544 3404
: 603-5521 1386



Research Management Institute (RMI) Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
<http://www.rmi.uitm.edu.my>



5.2 Abstrak

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji aspek pembangunan rohani dalam amalan tarekat tasawuf. Dalam membuat penyelidikan ini, pengkaji telah memilih Jamaah Tarekat Ahmadiyyah di Negeri Sembilan sebagai model kajian dengan memberi tumpuan terhadap amalan-amalan kerohanian dalam tarekat tersebut. Penyelidikan ini telah menggunakan dua metod kajian yang utama iaitu metod temubual dan observasi. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tiga asas tazkiyah al-Nafs dalam amalan tarekat yang boleh diaplikasi dalam program dakwah kepada remaja khususnya di institut pengajian tinggi.

5.3 Pengenalan

Tarekat tasawuf bukanlah nama baru dalam dunia Islam. Sebaliknya amalan tarekat telah dikenali dan diamalkan dalam dunia Islam sejak zaman-zaman awal Islam¹. Bahkan di dunia Melayu amalan bertarekat dan tasawuf bukanlah asing kerana fakta sejarah mencatatkan bahawa kedatangan Islam ke Nusantara adalah melalui dakwah para ulama sufi². Pengislaman raja-raja Melayu melalui dakwah penuh hikmah para ulama sufi telah berjaya menukar alam Melayu daripada wajah Hindu Buddha kepada wajah Islam. Bangsa Melayu di Nusantara ini yang dahulunya hidup dalam kesesatan syirik dan jahiliyyah bertukar kepada menganut agama tauhid yang menyembah Tuhan Yang Esa. Situasi ini menyebabkan bertukarnya status negara daripada *dar al-Kufr* kepada *dar al-Islam*³. Lebih menarik pengislaman umat Melayu di Nusantara bukan berlaku secara kekerasan sebaliknya secara damai yang tidak melibatkan pertumpahan darah⁴. Ini semua terjadi adalah berkat asuhan dan didikan para pendakwah sufi yang gigih dan ikhlas terhadap bangsa Melayu.

Pada zaman penjajahan, para ulama tarekat alam Melayu telah mendirikan sekolah-sekolah pondok sebagai suatu usaha untuk mempertahankan akidah, syariah dan akhlak bangsa Melayu⁵. Bahkan para ulama dunia Melayu yang

¹ Abad ke-3H/9M dan 4H/10M merupakan peringkat ketiga perkembangan tasawuf. Peringkat ini secara umumnya bermula setelah kejatuhan kerajaan Bani Umayyah dan permulaan pemerintahan Bani Abbasiyyah. Antara tokoh tasawuf pada zaman ini ialah Abu Yazid al-Bistami (926H/826M), Husayn bin Mansur al-Hallaj (309H/929M), Dhu al-Nun al-Misri (245H/865M), Junaid al-Baghdadi (298H/863M) dan lain-lain. Pada kurun ke-3H/9M inilah tasawuf dikatakan mencapai zaman kematangan dan kesempurnaan yang sebenarnya. Istilah *tariqah* dan *tariq* mula digunakan secara meluas. Lihat, Che Zartina Sa'ari (2004), *Tasawuf Dan Ummah*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam APIUM, h. 16-17.

² Dr. Haji Abdullah Ishak menulis. “*Di antara pendakwah yang terdapat di Nusantara ialah golongan sufi atau ahli-hali tasawuf. Mereka terdiri daripada orang-orang yang sangat bertakwa kepada Allah dan berakhlik mulia. Menerusi peribadi dan ketokohan, juga pengorbanan sukarela mereka bagi menyebarkan Islam di daerah tersebut menjadikan golongan raja-raja, pembesar-pembesar negeri serta rakyat jelata amat tertarik dengan Islam. Dikatakan mereka begitu berpengaruh di zaman kekuasaan Melaka, Acheh dan Kerajaan Islam Demak*”. Lihat Dr. Haji Abdullah Ishak (1990), *Islam Di Nusantara: Khususnya Di tanah Melayu*. Selangor: Al-Rahmaniah, h. 80.

³ قال الجمهور : دار الإسلام هي التي نزلها المسلمين وجرت عليها أحكام “الناس في الإسلام”. Lihat, Dr. Arif Khalil Abu Eid (1990), *Nizom al-Hukmi Fi al-Islam*. Jordan: Dar al-Nafais, h. 52.

⁴ Namun tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga pertempuran berlaku di sesetengah negeri seperti pengislaman pulau Jawa misalnya. Akan tetapi negeri Melayu seperti Samudera Pasai, Melaka, Acheh dan Kedah pengislaman telah berlaku secara damai iaitu secara massal melalui dakwah ulama-ulama sufi.

⁵ Kemunculan institusi pondok di Tanah Melayu telah berlaku pada awal kurun yang ke-19. Antara negeri yang popular dengan sekolah pondok ialah Kelantan, Kedah dan Terengganu. Lihat, Dr. Haji Abdullah Ishak (1990), *Islam Di Nusantara: Khususnya Di tanah Melayu*. Selangor: Al-Rahmaniah, h. 177.